Jeritan al-Mutanabbi di Gaza



Dr Ayman al-Atoum
Diterjemah oleh Syazwan Hakim

impress

JERITAN AL MUTANABBI DI GAZA

Dr Ayman al-Atoum

Diterjemah oleh Syazwan Hakim

IMPRESS
2025

Diterbitkan oleh

impress

Alamat No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor

Email ikrammudapusat@gmail.com

Penulis Dr Ayman al-Atoum

Karya Asal *al-Mutanabbi wa Ghazzah*

Penterjemah Syazwan Hakim

Penyunting Usaid Asmadi

Reka Letak Abu Haura'

Reka Bentuk Kulit Nawal Irdina

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit. Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

IMPRESS adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.

MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Dan Maha Mengasihani,

وَٱلشُّعَرَآءُ يَتَّبِعُهُمُ ٱلْغَاوُۥنَ ﴿٤٢٢﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِى كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ ﴿٥٢٢﴾ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ﴿٦٢٢﴾ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَذَكَرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرًا وَٱنتَصَرُواْ مِنۢ بَعْدِ مَا ظُلِمُواْ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٧٢٢﴾

"Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang-orang yang sesat. Tidakkah engkau melihat bahawa mereka merayau-rayau di setiap lembah (tanpa tujuan tetap)? Dan bahawa mereka mengatakan apa yang mereka tidak lakukan? Kecuali penyair-penyair yang beriman, beramal soleh, banyak mengingati Allah, dan membela diri setelah mereka dizalimi. Dan orang-orang yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali." (Surah al-Shuʿarā' 26:224–227)

Segala puji bagi Tuhan yang memuliakan kata, mengangkat puisi sebagai senjata jiwa, dan menjadikan kalimah sebagai

saksi zaman.

E-book ini berasal dari artikel yang ditulis oleh **Dr. Ayman Al-Atoum** — seorang penyair, novelis, dan pemikir dari Jordan yang tidak asing dalam dunia kesusasteraan Arab moden. Artikel ini bertajuk "al-Mutanabbi dan Gaza ". Dalam tulisan yang diterbitkan di *Al-Arab Blog* pada 23 September 2024, beliau membangkitkan kembali ruh syair al-Mutanabbi lalu meniupkannya ke dalam luka Gaza yang masih bernanah. Ia bukan sekadar ulasan politik atau bacaan puitis, tetapi gandingan dua zaman — satu zaman berdarah, satu zaman bersyair — untuk menyampaikan jeritan umat.

Adapun **al-Mutanabbi** — atau nama penuhnya *Abū al-Ṭayyib Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Mutanabbī* — ialah penyair agung abad ke-10 yang hidup di era kekacauan politik, pelarian dan peperangan. Puisinya tidak sekadar mencerminkan zamannya, tetapi melangkaui waktu — penuh kebijaksanaan, kemegahan, dan semangat yang menjulang. Beliau menulis dengan lidah seorang pejuang dan jiwa seorang ahli falsafah agung. Ketika Gaza bersuara dalam darah dan bara, bait-bait al-Mutanabbi pun turut berkumandang.

Saya memilih untuk menterjemah artikel ini bukan semata-mata kerana kekaguman terhadap gaya penulisan Dr. Ayman Al-Atoum atau keindahan bait-bait al-Mutanabbi — meskipun secara peribadi, saya banyak menelaah karya kedua-dua tokoh ini, terutamanya Dr. Ayman. Novel pertama beliau yang saya baca, *Yaumun Masyhūd* (Suatu Hari yang Disaksikan) memperlihatkan kepada saya betapa jiwanya

sangat rapat dengan nadi Palestin. Namun lebih daripada itu, saya percaya setiap zaman memerlukan suara yang mampu menjambatani luka dan makna. Gaza bukan sekadar tempat dan al-Mutanabbi bukan sekadar penyair. Yang pertama adalah luka umat, dan yang kedua adalah lidahnya.

Dalam dunia yang sering membisukan penderitaan Palestin dengan propaganda murahan, terjemahan ini menjadi usaha kecil untuk menghidupkan kembali suara puisi sebagai bentuk penolakan dan keteguhan. Ia adalah jambatan antara warisan sastera dan realiti penindasan. Saya mahu pembaca Melayu turut merasai bahawa walau dalam bait seribu tahun dahulu, karya beliau masih relevan pada hari ini dan terkait dengan kejadian berdarah masa ini.

Artikel ini mengambil semangat dengan meminjam bait lama untuk memahami luka yang masih segar. Ia menyatukan sejarah dan semasa, klasik dan kontemporari dalam satu untaian kata yang pedih dan menggugah.

Sebagai penterjemah, saya hanya menyampaikan suara — dengan setia pada makna, dan hormat pada roh puisi asal. Semoga usaha kecil ini menjadi sebahagian daripada saksi zaman, bahawa kita pernah membaca, pernah menterjemah, dan tidak pernah diam.

Sekalung penghargaan dan terima kasih saya kembalikan kepada pihak IMPRESS kerana sudi memberikan peluang untuk menterjemahkan karya yang amat bernilai di waktu dan suasana yang tidak menentu ini. Semoga Allah membalas sebaik-baik ganjaran terhadap usaha yang baik ini. Tiada hak

cipta dituntut dari buku ini, ia bebas dimuat turun, dicetak serta disebarkan oleh sesiapa sahaja asalkan hendaklah e-book ini dikreditkan kepada kami serta pihak IMPRESS.

Segala kekurangan adalah daripada kelemahan saya sebagai hamba, dan segala kebaikan hanyalah daripada Allah semata. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan dalam terjemahan ini, maka saya amat mengalu-alukan makluman dan pembetulan segera.

Selamat membaca,

Sekian, salam hormat.

Muhammad Syazwan Hakim bin Jamil
Lembah Pantai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
14 Syawal 1446H / 11 April 2025M

PENGENALAN RINGKAS AL-MUTANABBI



Abū al-Ṭayyib Aḥmad ibn al-Ḥusayn al-Mutanabbī[1] (915–965 M) ialah seorang penyair Arab yang dianggap sebagai salah satu sasterawan terbesar serta paling berpengaruh sepanjang zaman dalam dunia kesusasteraan Arab. Beliau dilahirkan di Kūfah, Iraq, dan menunjukkan bakat luar biasa dalam puisi sejak usia muda. Beliau muncul sebagai suara penyair yang bukan sahaja mahir dalam seni retorik dan gaya bahasa tinggi, tetapi juga membentuk semula wajah sastera Arab dengan puisi-puisi yang sarat kebijaksanaan, kebanggaan, dan

1 Gambar di ambil dari Kids Encyclopedia Facts

semangat memberontak.

Latar Belakang

Al-Mutanabbi terkenal dengan puisi-puisi pujian yang ditulis untuk pelbagai sosok pemimpin dan bangsawan pada zamannya. Gaya puisinya yang megah dan penggunaan metafora yang kaya menjadikannya terkenal dan dihormati.

Kehidupan al-Mutanabbi

Al-Mutanabbi hidup dalam zaman yang penuh dengan kegalauan politik — antara runtuhnya kekuatan pusat kerajaan Abbasiyah dan kemunculan kuasa-kuasa wilayah seperti Ikhsyidiyyah dan Hamdaniyyah. Beliau mengembara ke banyak tempat, termasuk Syam (Syria), Mesir dan Aleppo, dan pernah menjadi penyair istana bagi Sayf al-Dawlah al-Hamdani di Aleppo, seorang pemimpin yang terkenal menentang ancaman Byzantin. Al-Mutanabbi menghabiskan hampir satu dekad menulis puisi yang memuji kepahlawanan dan kepimpinan Sayf al-Dawlah.

Kontroversi dan Gelaran

Nama "Al-Mutanabbi" bermaksud "yang mengaku sebagai nabi". Gelaran ini diberikan kerana pada satu ketika dalam hidupnya, dikatakan beliau mendakwa sebagai nabi. Namun, seperti yang diriwayatkan oleh para sejarawan, kenyataan ini memiliki banyak wajah dan penafsiran.

Menurut **al-Thaʿālibī**, penyair ini benar-benar telah menyeru

sekelompok pengikut untuk berbai'ah kepadanya sebagai nabi, ketika usianya masih muda dan semangatnya membara. Riwayat beliau berbunyi:

وبَلَغَ مِنْ كِبَرِ نَفْسِهِ وَبُعْدِ هِمَّتِهِ أَنْ دَعَا إِلَى بَيْعَتِهِ قَوْمًا مِنْ رَائِشِي نَبْلِهِ، عَلَى الْحَدَاثَةِ مِنْ سِنِّهِ، وَالْغَضَاضَةِ مِنْ عُودِهِ. وَحِينَ كَادَ يَتِمُّ لَهُ أَمْرُ دَعْوَتِهِ، أُبْلِغَ أَمْرُهُ إِلَى الْوَالِي، فَأَمَرَ بِحَبْسِهِ وَتَقْيِيدِهِ.

"Telah sampai pada tingginya ego dan jauhnya cita-cita bahawa dia mengajak sekelompok pengikut untuk berbai'ah kepadanya, meskipun usianya masih muda dan pengalamannya mentah. Dan ketika dakwahnya hampir berjaya, urusannya sampai kepada wali kota, lalu dia diperintahkan untuk ditahan dan dirantai[2]."

Sebaliknya, **Ibn Khallikān** menawarkan penafsiran yang lebih simbolik, menegaskan bahawa ada yang berpandangan beliau digelar al-Mutanabbi kerana mendakwa kenabian di Badiyah al-Samawah.Tetapi ada juga yang berkata sebaliknya bahawa beliau adalah orang pertama yang mendakwa kenabian puisinya dan ini adalah pandangan yang lebih sahih. Al-Mutanabbi menganggap dirinya 'nabi puisi' kerana ketinggian bahasa puisinya yang mendahului zamannya[3]. Bukan kerana kenabian syariat.

Dalam satu dialog terkenal yang dinukilkan oleh **Abū 'Alī**

2 Al-Tha'ālibī, *Abū al-Ṭayyib al-Mutanabbī wa mā lahu wa mā 'alayh*, ed. Muḥammad Muḥyī al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd (Cairo: Maktabat al-Ḥusayn al-Tijāriyyah), hlm.32

3 Ibn Khallikān, *Wafayāt al-A'yān wa Anbā' Abnā' az-Zamān*, cet. Dār Ṣādir, Beirut, 1994, jld. 1, hlm. 122.

al-Fārisī, Al-Mutanabbi ditanya: "Ke atas siapa engkau menubuat[4]?"

Beliau menjawab: "Ke atas para penyair."

Mereka bertanya kembali: "Setiap nabi ada mukjizatnya, maka apakah mukjizatmu?"

Al-Mutanabbi menjawab dengan bait syair yang tajam:

ومن نَكَدِ الدّنْيا على الحُرّ أنْ يَرَى ..... عدُوّاً لَهُ ما من صَداقَتِهِ بُدُّ

"Antara malapetaka dunia bagi orang yang merdeka adalah apabila dia terpaksa bersahabat dengan musuhnya — kerana tiada pilihan lain.."

Dalam riwayat lain, murid dan penyunting puisinya, **Ibn Jinnī**, meriwayatkan bahawa Al-Mutanabbi sendiri berkata bahawa gelaran itu berasal daripada bait puisinya yang terkenal:

أنا تِرْبُ النّدَى ورَبُّ القَوافي ... وسِمَامُ العِدَى وغَيظُ الحَسودِ

"Akulah sekutu kemurahan dan tuan bagi bait-bait puisi, Racun bagi musuh, dan bara bagi pendengki."

أنا في أمةٍ تداركها الله ... غريبٌ كصالحٍ في ثمودِ

"Akulah pengembara di tengah umat yang diselamatkan Tuhan, bagaikan Nabi Salih di tengah kaum Thamud."

4 Mendakwa kenabian

ما مقامي بأرضِ نخلةَ إلاّ ... كمقامِ المسيحِ بين اليهودِ

"Tinggalku di bumi Nakhlah,
hanyalah seperti kediaman Isa di tengah Bani Israel.[5]"

Qasidah-Qasidah Terkenal

Puisinya sangat kaya dengan *izzah* (harga diri), *syaja'ah* (keberanian), *hikmah* (kebijaksanaan hidup) dan kadangkala sindiran yang tajam. Beliau bukan sekadar penyair yang memuji pemimpin, tetapi juga seorang yang berani memperkatakan tentang makna kehidupan, ketidaksamarataan, dan kekuatan dalaman seorang insan. Antara qasidah beliau yang paling masyhur termasuk:

1. **Qasidah Pujian kepada Sayf al-Dawlah**: Dalam qasidah ini, Al-Mutanabbi memuji keberanian dan kepimpinan Sayf al-Dawlah, seorang Emir Hamdanid di Aleppo. Beliau menggambarkan kejayaan Sayf al-Dawlah dalam peperangan dan kehebatannya sebagai pemimpin.
2. **Qasidah Satira terhadap Abu al-Misk Kafur**: Setelah hubungannya dengan Kafur, penguasa Mesir merosot, Al-Mutanabbi menulis qasidah yang mengkritik dan menyindir Kafur dengan tajam yang mencerminkan kekecewaannya terhadap patron tersebut.

5 Yūsuf al-Badīʿī, *aṣ-Ṣubḥ al-Munabbī ʿan Ḥaythiyyat al-Mutanabbī*, al-Maṭbaʿah ash-Sharafiyyah, Cairo.

3. **Qasidah Mengenai Falsafah Hidup dan Keberanian**: Dalam beberapa puisinya, Al-Mutanabbi menyentuh tentang keberanian, harga diri, dan falsafah hidup, seperti bait terkenal: "Jika engkau melihat taring singa tersenyum, jangan sangka singa itu sedang tersenyum."

Beliau meninggal dunia pada tahun 965 M berhampiran Baghdad, Iraq dibunuh dalam satu serangan oleh sekumpulan penyerang ketika dalam perjalanan pulang bersama anaknya.

Walaupun beliau telah meninggal dunia, puisi-puisinya menjadikannya seolah-olah masih hidup. Puisi-puisi beliau masih terus dibaca dan dikaji hingga ke hari ini mencerminkan kebijaksanaan, falsafah hidup, dan semangat zamannya. Al-Mutanabbi tidak hanya menulis untuk para raja dan pemimpin seperti Sayf al-Dawlah di Aleppo atau Kafur di Mesir, tetapi juga menulis sebagai manusia yang terasing, teruji, dan tersakiti. Tidak hairan jika puisi-puisinya terus dipetik di medan perang, dalam khutbah, pidato kebangsaan, dan wacana falsafah — termasuk dalam konteks moden seperti Gaza. Dalam wajah-wajah luka, suara al-Mutanabbi masih berkumandang: sebagai penyair, sebagai pejuang, sebagai manusia.

TENTANG PENULIS[6]



Dr. Ayman Ali Hussein Al-Atoum ialah seorang penyair, novelis, dan pendidik dari Jordan yang lahir pada 2 Mac 1972 di Sauf, sebuah bandar di wilayah Jerash, Jordan. Beliau dikenali melalui karya-karyanya yang mendalam, menyentuh isu-isu kebebasan, penindasan, dan perjuangan manusia dalam menghadapi kezaliman.

6 Gambar penulis diambil dari *Riyadh Review of Books*

Latar Belakang Pendidikan

Dr. Ayman memiliki latar belakang pendidikan yang luas dan pelbagai:

- Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Awam dari Universiti Sains dan Teknologi Jordan pada tahun 1997.
- Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa Arab dari Universiti Yarmouk pada tahun 1999.
- Ijazah Sarjana (MA) dalam Bahasa Arab dari Universiti Jordan pada tahun 2004.
- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam Bahasa Arab, dengan pengkhususan dalam bidang nahu dan linguistik, dari Universiti Jordan pada tahun 2007.

Kerjaya Profesional

Selepas menamatkan pengajian, Dr. Ayman bekerja sebagai jurutera awam selama dua tahun sebelum beralih ke bidang pendidikan. Beliau kemudian berkhidmat sebagai guru Bahasa Arab di beberapa sekolah di Jordan, memanfaatkan kepakaran linguistik dan sasteranya dalam mendidik generasi muda.

Penglibatan

Dr. Ayman aktif dalam bidang sastera:

- **Penubuhan Kelab dan Jawatankuasa Sastera:**

Beliau mengasaskan beberapa jawatankuasa sastera dan kelab buku di universiti tempat beliau belajar, mendorong minat membaca dan berdiskusi dalam kalangan pelajar.

- **Penyertaan dalam Pertandingan Sastera**: Beliau mengambil bahagian dan memenangi pelbagai pertandingan puisi dan penulisan di peringkat universiti dan kebangsaan.
- **Penerbitan Karya**: Selain menulis novel dan puisi, Dr. Ayman juga menyumbang artikel dan esei dalam pelbagai majalah dan akhbar, membincangkan isu-isu semasa, sastera, dan budaya.

Penahanan

Dr. Ayman pernah mengalami penahanan yang memberi kesan mendalam terhadap kehidupannya dan karyanya:

- **Penahanan Pertama** (**1996-1997**): Pada tahun 1996, beliau ditahan selama hampir setahun atas tuduhan berkaitan aktiviti politik semasa menjadi mahasiswa di Universiti Yarmouk. Pengalaman ini menjadi inspirasi bagi novel beliau yang berjudul "يا صاحبي السجن" (*Wahai Teman Sepenjaraku*), diterbitkan pada tahun 2012. Novel ini menggambarkan penderitaan dan cabaran yang dihadapi oleh tahanan politik di Jordan.
- **Penahanan Kedua** (**2016**): Pada Disember

2016, Dr. Ayman sekali lagi ditahan atas tuduhan menghasut melalui karyanya. Beliau dibebaskan dengan jaminan selepas dua hari dalam tahanan.

Karya-Karya Terkenal

Dr. Ayman telah menghasilkan pelbagai karya dalam bentuk novel dan kumpulan puisi (diwan). Antara novel beliau yang mendapat perhatian meluas termasuk:

- "يا صاحبي السجن" (*Wahai Teman Sepenjaraku*) — Diterbitkan pada tahun 2012 berdasarkan pengalaman peribadinya sebagai tahanan politik di penjara Jordan pada tahun 1996 dan 1997.
- "يسمعون حسيسها" (*Mereka Mendengar Bisikan Azabnya*) — Novel yang menyelami penderitaan tahanan politik dan penyeksaan di penjara.
- "ذائقة الموت" (*Merasai Kematian*) — Novel yang membincangkan makna kehidupan dan keadilan dari perspektif eksistensial.
- "نفر من الجن" (*Segolongan dari Jin*) — Naratif kritis mengenai sistem pendidikan dan kekacauan mentaliti dalam masyarakat Arab moden.

Selain novel, beliau juga telah menerbitkan beberapa **kumpulan puisi** (**diwan**), antaranya:

- "نبوءات الجائعين" (*Nubuat Orang-Orang Kelaparan*) — Diterbitkan pada tahun 2012, mengandungi puisi-

puisi yang ditulis semasa beliau dalam tahanan.

- "قلبي عليك حبيبتي" (*Hatiku Untukmu, Kekasih*) — Diterbitkan pada tahun 2013, mengandungi 25 puisi yang ditulis antara tahun 1994 hingga 2004, dengan tema cinta, sufisme, dan kebebasan.
- "خذني إلى المسجد الأقصى" (*Bawaku ke Masjid Al-Aqsa*) — Diterbitkan pada tahun 2013, mengandungi puisi-puisi yang mencerminkan kerinduan terhadap Masjid Al-Aqsa dan isu-isu Palestin.
- "الزنابق" (*Lili*) — Dikenali juga sebagai *Diwan Cinta yang Sedih* yang diterbitkan pada tahun 2015, mengandungi 25 puisi dengan tema cinta dan kesedihan.
- "طيور القدس" (*Burung-Burung Al-Quds*) — Diterbitkan pada tahun 2016, dengan puisi-puisi bertemakan nasionalisme dan perjuangan.

Gaya penulisan Dr. Ayman menggabungkan emosi yang mendalam, retorik bahasa Arab klasik, dan pemahaman sejarah serta jiwa umat Islam yang menjadikan setiap karyanya sarat dengan simbolisme dan nilai perjuangan.

Dalam artikel *Al-Mutanabbi dan Gaza*, beliau tidak sekadar mengulas situasi politik atau ketenteraan, tetapi membawa pembaca merenung Gaza dengan mata puisi, lensa sejarah, dan dengan hati yang hidup. Bait-bait al-Mutanabbi digunakan bukan sekadar sebagai rujukan sastera, tetapi sebagai cermin jiwa umat — antara luka, maruah, dan harapan

JERITAN AL-MUTANABBI DI GAZA

Nilai puisi-puisi al-Mutanabbi menyerlah dalam konteks perang di Gaza dan hal ini dapat dilihat melalui tiga tingkatan kelompok:

Pertama, tingkatan rakyat.

Kedua, tingkatan pejuang

Ketiga, tingkatan sang filsuf yang menyaksikan segala ini, lalu mengubahnya menjadi sebuah bentuk kefahaman serta seruan perlawanan.

Rakyat Gaza yang kini sedang menghadapi genosid, pembersihan etnik, dan pengusiran berterusan seperti menjelmakan semula bait-bait yang pernah ditulis oleh al-Mutanabbi hampir seribu tahun lalu:

رماني الدّهرُ بِالأَرْزاءِ حَتَّى .....فُؤادِي فِي غِشَاءٍ مِنْ نِبالِ
فَصِرْتُ إذَا أَصَابَتْنِي سِهَامٌ ..... تَكَسَّرَتِ النِّصَالُ عَلَى النِّصالِ

وهَانَ فَمَا أُبَالِي بِالرَّزَايا ..... لأَنِّي مَا انْتَفَعْتُ بأنْ أُبالي

"Zaman melemparku dengan bala bencana,
hingga jantungku berselimut dengan anak-anak panah yang tajam."

"Lalu ketika datang panah baru menghunjam,
ia hanya patah di atas anak-anak panah yang lama."

"Semua musibah itu tak lagi ku peduli,
kerana tiada faedahnya lagi buatku untuk peduli."

Bagi al-Mutanabbi, bencana tidak sekadar mengelilingi mereka dari segala arah. Tetapi ia meresap dan melingkari tubuh mereka serta menyerap di dalam liang-liang pori mereka. Peperangan ini telah memisahkan mereka daripada keluarga, orang tersayang, dan sahabat handai mereka. Perkara ini seolah-olah dijelmakan di dalam bait ini:

فيا لَيْتَ ما بيني وبينَ أحبّتي ..... مِنَ البُعدِ ما بيني وبين المَصائِب

"Oh, alangkah indah andai jarak antara aku dan orang yang kucintai,
sejauh jarak antara aku dan musibah"

Namun, mereka bukan rakyat yang mudah untuk tunduk kepada kehinaan. Bukan juga umat yang menjadi pasrah kepada kezaliman. Mereka tidak memiliki jiwa yang rela dijajah. Maka kau akan mendapati warga ini – sambil mereka menyeka darah dari wajah, dada dan lengan mereka yang penuh dengan luka – seraya itu mengulang-ulang dalam diam bait puisi ini:

إِنِّي أُصَاحِبُ حِلْمِي وَهْوَ بِي كَرَمٌ .....وَلا أُصَاحِبُ حِلْمِي وَهْوَ بِي جُبُنُ

وَلا أُقِيمُ عَلَى مَالٍ أَذِلُّ بِهِ ..... وَلا أَلَذُّ بِمَا عِرْضِي بِهِ دَرِنُ

"Aku bersabar kerana sabar itu kemuliaan,
bukan kerana takut, sedangkan aku bukan pengecut."

"Aku takkan hidup kerana kehinaan harta,
dan aku takkan nikmati sesuatu yang mengotori maruahku."

Seorang lelaki melihat saudaranya, ayahnya, anak perempuannya yang terbaring berlumuran darah di depan matanya. Dia memeluk tubuh insan-insan yang merupakan segala-galanya dalam hidupnya, seakan-akan suara al-Mutanabbi turut jatuh berderai bersamanya;

وَإِنَّ رَحِيلاً واحِدًا حَالَ بَيْنَنَا ..... وَفِي المَوْتِ مِنْ بَعْدِ الرّحيلِ رَحِيْلُ

"Sesungguhnya suatu perpisahan telah memisahkan kita,
dan dalam kematian sesudah perpisahan itu, ada perpisahan yang lebih berat."

Suara Perlawanan

Sementara itu, para pejuang hanya mengakui bahasa pedang dan kekuatan. Hal ini dijelmakan dalam puisi ini:

سَيَصْحَبُ النَّصْلُ مِنّي مِثْلَ مَضْرِبِهِ..... وَيَنْجَلي خَبَرِي عَنْ صِمَّةِ الصِّمَمِ

لَقَدْ تَصَبَّرْتُ حَتَّى لاتَ مُصْطَبَرٍ.....فَالآنَ أَقْحَمُ حَتَّى لاتَ مُقْتَحَمِ

لَأَتْرُكَنَّ وُجُوهَ الخَيْلِ سَاهِمَةً.... وَالحَرْبُ أَقْوَمُ مِنْ سَاقٍ عَلَى قَدَمِ

"Pedangku akan menyusul dengan hentakan yang sekuat sebelumnya, dan kisah keberanianku akan sampai menembusi telinga mereka yang tuli."

"Aku telah bersabar hingga tiada lagi ruang untuk sabar, kini aku terjun ke medan yang tak pernah diterjuni."

"Akan aku tinggalkan wajah-wajah kuda tercengang, kerana medan perang lebih teguh daripada manusia yang berdiri di atas dua kakinya."

Mereka mengangkat panji perang setinggi-tingginya hingga dentuman roket bergema ke segenap penjuru. Ia bertempik dari jiwa yang sarat dengan duka dan penuh dendam terhadap penjajah:

قَرَارًا أَلَذُّ فَوْقَ شَرَارٍ ... وَمَرَامًا أَبْغِي وَظُلْمِي يُرَامُ؟
دُوْنَ أَنْ يَشْرَقَ الحِجَازُ وَنَجْدٌ .... وَالعِرَاقَانِ بِالقَنَا وَالشَّآمُ؟

"Apakah kenikmatan itu ada pada kepasrahan di tengah bara, atau pada cita-cita yang ku kejar sementara aku ditindas?"

"Sedangkan Hijaz dan Najd belum lagi bersinar, sedangkan pula Iraq dan Syam belum bersulam tombak dan darah?"

Para pejuang memahami bahawa jalan paling lurus dan paling tepat ialah **mengangkat senjata di hadapan musuh**. Tiada alternatif lain melainkan perang. Tiada jalan untuk melarikan diri daripadanya. Maka mereka berkata:

وَإِنْ عُمِرْتُ جَعَلْتُ الحَرْبَ وَالِدَةً .... وَالسُّمْهُرِيَّ أَخًا، وَالمُشَرَّفِيَّ أَبَا

"Jika aku diberi kehidupan, akan kujadikan perang sebagai ibu, pedang panjang sebagai saudara kandung, dan tombak halus sebagai ayahku."

Namun, sebahagian daripada jiran mereka memberikan nasihat untuk bersabar dan mempertimbangkan daripada pelbagai sudut agar perang tidak dimulakan. Nasihat ini sedang berangan-angan tentang perdamaian yang mungkin tidak kunjung tiba. Lalu mereka sahut dengan kata-kata;

وَوَضْعُ النَّدَى فِي مَوْضِعِ السَّيْفِ بِالعُلا ....مُضِرٌّ، كَوَضْعِ السَّيْفِ فِي مَوْضِعِ النَّدَى

"Meletakkan kelembutan di tempat pedang, saat kehormatan dituntut, ia akan merosakkan pedang. Seperti meletakkan pedang di tempat kelembutan , juga membawa kebinasaan."

Mereka faham bahawa kelunakan yang dicanang oleh jiran-jiran itu bukan rahmat, tapi kelemahan yang didambakan oleh musuh. Ia bukan kesabaran, tapi menyerah kalah. Maka mereka pun menyambung:

كُلُّ حِلْمٍ أَتَى بِغَيْرِ اقْتِدَارٍ ..... حُجَّةٌ لاَحِئٌ إِلَيْهَا اللِّئَامُ

"Setiap kesabaran yang lahir tanpa kekuatan, hanyalah alasan yang dipakai oleh si hina untuk tidak berbuat apa-apa."

Sang Filsuf dari Masa Silam

Adapun pada tingkatan ketiga, muncullah al-Mutanabbi; sang filsuf yang seolah-olah menyaksikan apa yang berlaku di Gaza.

Lalu menukilkan jenayah itu dalam syair yang menjadikan puisinya tidak hanya hidup untuk zamannya,tetapi untuk zaman kita serta setiap zaman yang mendatang

Beliau berkata:

لا يَخْدَعَنَّكَ مِنْ عَدُوٍّ دَمْعُهُ .....وَارْحَمْ شَبَابَكَ مِنْ عَدُوٍّ تَرْحَمُ

لا يَسْلَمُ الشَّرَفُ الرَّفِيْعُ مِنَ الأَذَى.... حَتَّى يُرَاقَ عَلَى جَوَانِبِهِ الدَّمُ

"Jangan biarkan air mata musuh menipumu, dan lindungilah masa mudamu dari musuh yang kau kasihi."

"Kerana kemuliaan sejati takkan pernah selamat dari luka, sehingga darah tertumpah di sekelilingnya."

Beliau melihat alat sang penindas yang tidak kenal henti, tidak kenal malu, dan tidak kenal sesal. Alat sang penindas ini hanya tahu membunuh dan semakin kuat apabila lawannya lemah. Beliau hairan terhadap manusia yang dicipta untuk melakukan keadilan, tapi memilih untuk berlaku zalim.

Beliau berkata:

والظُّلْمُ من شِيَمِ النُّفوس فإنْ تَجِدْ ..... ذا عِفَّةٍ، فَلِعِلَّةٍ لا يَظْلِمُ

"Zalim itu adalah sifat asal manusia. Jika kau temui seseorang yang menahan dirinya, maka pasti ada sesuatu yang menghalangnya daripada menzalimi."

Kemudian, beliau menyampaikan pesan-pesan rahsia kepada para pejuang.

Bukan setiap kelunakan itu terpuji jika ia memberi ruang kepada kezaliman. Maka beliau membisikkan kepada mereka:

مِنَ الجَهْلِ أَنْ تَسْتَعْمِلَ الحِلْمَ دُوْنَهُ
إِذَا اتَّسَعَتْ فِي الحِلمِ طُرُقُ المَظَالِمِ

"Adalah suatu kebodohan jika kau bersabar tanpa senjata,

Sedangkan sebahagian kesabaran itu membuka jalan kepada kezaliman."

Akhirnya, al-Mutanabbi menyimpulkan pandangannya yang mendalam bahawa keberanian itu penting, tetapi keberanian disulami dengan kebijaksanaan merupakan suatu yang paling berharga dan paling berkesan.

Beliau berkata:

وَكُلُّ شَجَاعَةٍ فِي المَرْءِ تُغْنِي ..... وَلا مِثْلُ الشَّجَاعَةِ فِي الحَكِيمِ

"Setiap keberanian itu memberi manfaat pada manusia, tetapi tiada keberanian yang mampu menandingi keberanian seorang yang bijaksana."

Baghdad

22 September 2024